

19 AUG 1997

Osu-Umno

OSU SELAR BUDAYA "LAMPU ALADIN" DALAM UMNO

KOTA KINABALU, 19 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam menyelar sikap segelintir anggota parti yang lebih mahukan ganjaran segera daripada sumbangan yang mereka berikan.

Katanya amalan demikian, yang disifatkannya sebagai budaya "lampu Aladin" sudah menular di negeri ini sejak beberapa lama dan harus dikikis dan diperbetulkan sekarang.

"Kalau kita kerja hari ini, kita mahu esok kita dapat hasilnya dan ini tidak wajar. Kita mahu budaya lampu Aladin seperti ini diperbetulkan," katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Konvensyen Umno Sabah di sini.

Konvensyen tiga hari yang bertemakan "Ke Arah Penghayatan Budaya Umno" itu dirasmikan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ahad lepas.

Osu yang juga Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi berkata, yang perlu diutamakan ialah perjuangan membawa pembangunan kepada rakyat dan negeri ini dan ia memerlukan kesabaran kerana hasilnya hanya akan dinikmati pada jangka panjang.

Mengenai rungutan dan rasa tidak puas hati yang disuarakan oleh anggota parti dalam perbahasan sepanjang konvensyen itu, Osu berkata, beliau sendiri belum berpuas hati dengan prestasi parti itu di Sabah dan akan bekerja lebih keras untuk memperbaikinya.

Perwakilan antara lain menyentuh usaha mewujudkan usahawan Bumiputera kelas menengah di Sabah yang disifatkan sebagai tidak memadai serta kelemahan penyertaan Bumiputera dalam projek-projek besar yang dilaksanakan di negeri ini.

"Saya bersetuju Umno Sabah harus melipatgandakan usaha untuk mewujudkan usahawan Bumiputera kelas menengah di Sabah dan dalam hal ini kita telah mencadangkan beberapa langkah termasuk mengkaji semula peranan agensi-agensi kerajaan," katanya.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Osu berkata, kajian terhadap peranan agensi itu termasuk sejauh mana agensi berkenaan berperanan positif dalam soal penyertaan Bumiputera dan jika perlu, mencadangkan pendekatan harus diambil.

Mengenai penghayatan budaya Umno, beliau berkata, bukan mudah untuk melihat kesan serta-merta selepas konvensyen itu berakhir kerana untuk mengubah budaya bukan perkara mudah. -- BERNAMA

JS FAZ